

UMS anjur kejohanan bola sepak sembilan sebelah

DE 18-10-16 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan kejohanan bola sepak sembilan sebelah sempena dengan Konvokesyen UMS pada 26-27 November.

Ia terbuka kepada semua pasukan di Sabah dan hanya 32 slot tersedia. Ia adalah berdasarkan sistem kalah mati dan hadiah tunai, trofi dan medal akan diberi kepada pemenang.

Mohd Asyraaf Abdullah, Pengarah Pusat Sukan UMS berkata, kejohanan itu adalah untuk memberikan peluang kepada komuniti kampus berinteraksi dengan masyarakat menerusi bola sepak dan pada masa yang sama bertindak sebagai publisiti kepada masyarakat di luar kampus berhubung dengan konvokesyen itu.

Jenama Carino akan menjadi penaja utama kejohanan. Tarikh tutup ialah pada 22 November dan mereka yang berminat boleh menghubungi Azman Soaibah - 016 8207479, Ramlan Rashid - 014 8926342 , Syariah Asilah - 010 9406713 atau pusat sukan UMS.